

30 OCT 2003

RM8-Reaksi

KERAJAAN TERUS KOMITED BANGUN EKONOMI BIMIPUTERA, KATA JAMALUDDIN JARJIS

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kerajaan terus komited untuk membangunkan ekonomi kaum Bumiputera apabila ia bercadang untuk menubuhkan satu institusi pelaburan yang baru iaitu Dana Harapan, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis.

Beliau berkata dengan penubuhan dana itu, ia akan menggembeling dana Bumiputera agar mencapai sasaran 30 peratus seperti yang dirancang sejak sekian lama.

"Kita tidak berjaya mencapai sasaran 30 peratus itu sebelum ini ekoran beberapa krisis ekonomi termasuk krisis kewangan 1997 dan 1998.

"Namun dengan adanya dana ini yang bertujuan menarik dan menggerak sumber kewangan Bumiputera, sasaran 30 peratus boleh dicapai," katanya semasa memberikan reaksi terhadap pembentangan usul kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RM8) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Jamaluddin berkata kerajaan juga dilihat terus komited untuk mengukuhkan sistem kewangan negara apabila berusaha untuk mencapai bajet berimbang pada 2006.

"Usaha untuk mencapai bajet berimbang merupakan satu pengumuman penting Dr Mahathir sebagai Menteri Kewangan," katanya.

Mengenai pencapaian negara semasa Dr Mahathir menerajui pemerintahan sejak 22 tahun lepas, beliau berkata negara bertukar menjadi sebuah negara industri yang moden daripada semata-mata berasaskan industri kelapa sawit sementara pembasmian kemiskinan pesat dilaksanakan sehingga kadarnya kini adalah kecil.

Sementara itu Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy berkata, lebih banyak projek prasarana pengangkutan dapat dilaksanakan setelah had peruntukan kepada Kementerian itu ditingkatkan dengan jumlah yang agak besar.

"Dengan peningkatan jumlah itu, saya yakin apa sahaja projek prasarana yang ada kaitan dengan pengangkutan dapat dilaksana dalam tempoh yang telah ditetapkan dan lebih banyak lagi dapat dilaksana dalam tempoh dua tahun akan datang."

Chan berkata pengumuman penyusunan semula sistem pengangkutan di Lembah Klang akan dapat menyediakan satu sistem pengangkutan yang lebih sempurna kepada penduduk sekitarnya.

Chan berkata, satu sistem tiket bersepadu membabitkan perkhidmatan bas, sistem transit aliran ringan (LRT) dan monorel akan diwujudkan menerusi penyusunan semula sistem pengangkutan berkenaan.

Sebanyak RM60 juta akan dibelanjakan bagi menyepadukan sistem tiket itu dengan penyusunan semula itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2005 sementara kadar tambang yang munasabah sedang dipertimbangkan.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata pembentangan laporan itu mencatatkan satu sejarah tersendiri memandangkan kebanyakan isi kandungan pembentangan itu menggambarkan harapan Dr Mahathir selama ini.

"Pembentangan hari ini menunjukkan wawasan, harapan dan yang paling mengharukan ialah bagaimana Dr Mahathir telah meletakkan perpaduan di kalangan rakyat sebagai perkara yang paling utama.

Sebagai mewakili generasi muda yang kebanyakannya hanya lebih mengenali Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri negara ini, Hishammuddin turut berharap

agar pengalaman, kemahiran dan semangat Dr Mahathir akan dikekalkan sebagai panduan dan rujukan kepada generasi muda dalam menghadapi cabaran masa depan.

Selain itu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting pula berkata bahawa laporan kajian separuh penggal itu memberikan gambaran yang sangat positif kerana apa yang telah dirancang sebelumnya terbukti dapat dilaksanakan.

Antaranya sehingga kini kerajaan telah berjaya mendirikan 461,972 daripada 615 ribu rumah yang dicadang untuk dibina sepanjang lima tahun pelaksanaan RM8, katanya.

Manakala kajian itu juga membuktikan masyarakat negara ini turut menikmati hasil perancangan RMK-8 terutamanya melalui penekanan kerajaan terhadap peningkatan sosio ekonomi, peningkatan pendapatan perkapita dan mengagihkan pemilikan saham.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail pula melahirkan perasaan puas hati dengan jumlah kehadiran anggota dewan rakyat pada pembentangan kali ini.

Perkara itu menunjukkan anggota dewan turut memberi penghormatan kepada Perdana Menteri yang membentangkan laporan itu buat kali terakhir sebelum bersara esok.

"Mereka juga nampaknya tertarik dengan pembentangan kajian itu...saya sendiri mendapati pembentangan laporan itu sangat bernas dan meliputi segala jurusan dan berharap sekiranya boleh disempurnakan kesemuanya, negara kita akan bertambah maju pada masa akan datang," katanya.

Mohamed ketika ditanya mengenai tempat duduk bagi Dr Mahathir sebagai anggota dewan setelah bersara kelak berkata, Dr Mahathir akan ditempatkan di bangku barisan penyokong kerajaan dan di tempat yang paling senior antara Menteri-menteri yang telah bersara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M. Kayveas berkata Dr Mahathir mahukan rakyat mengubah fikiran untuk mencapai pembangunan.

Perdana Menteri juga mahukan rakyat bekerja keras untuk mencapai prestasi ekonomi yang telah ditetapkan, katanya.

Selain itu Dr Mahathir telah menasihati rakyat agar terus menyokong kepimpinan baru setelah beliau bersara dan meneruskan perjuangan untuk mencapai tahap negara maju dan Wawasan 2020.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Datuk Mohd Zin Mohamed menyifatkan pembentangan usul oleh Dr Mahathir selama 2 jam 15 minit sebagai memberangsangkan dan penuh nostalgia selain tanggungjawab terakhir beliau di Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.

Sementara itu anggota pembangkang tidak dapat memberi komen yang jitu terhadap usul pembentangan RMK-8 Perdana Menteri itu.

Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa berkata beberapa perkara yang dirancang dalam RMK-8 belum dilaksanakan.

Persidangan Dewan bersambung pada Isnin.

-- BERNAMA

HM HM PR